

DISKAUN ISTIMEWA MENANTI AHLI KELAB MYSTAR CBP

1. Co-opbank Pertama (CBP) meneruskan inisiatif dalam menawarkan kelebihan eksklusif kepada pelanggannya dengan yang terkini jalinan kerjasama strategik bersama Menara Taming Sari, ikon pelancongan terkenal di Melaka.
2. Melalui kerjasama ini, ahli Kelab Mystar iaitu individu berusia 18 tahun ke bawah yang mempunyai Akaun Simpanan-i Salam Mystar bersama CBP akan menikmati diskaun istimewa sebanyak 13 peratus untuk pembelian tiket masuk ke Menara Taming Sari.
3. Ketua Pegawai Eksekutif CBP, Khairil Anuar Mohammad Anuar, berkata inisiatif itu adalah sebahagian daripada usaha CBP dalam memberi nilai tambah kepada pemegang akaun Mystar yang kini merekodkan 10,246 ahli, di samping memperkuat hubungan dengan rakan strategik yang mempunyai pengaruh signifikan dalam sektor pelancongan.
4. Beliau berkata, tawaran diskaun istimewa itu dijangka menarik lebih ramai ibu bapa membuka akaun Mystar untuk anak mereka yang akan menerima pelbagai manfaat seperti penyertaan kem cuti sekolah dan penerimaan anugerah kecemerlangan akademik.
5. Majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara CBP dan Menara Taming Sari diadakan hari ini yang turut dihadiri Ketua Pegawai Eksekutif Menara Taming Sari, Nur Azan Hassan dan Ketua Jabatan Deposit Runcit CBP, Zalifah Ibrahim, bagi memeterai kerjasama strategik untuk mempromosikan Kelab Mystar.
6. Khairil Anuar berkata, kolaborasi terbabit mencerminkan usaha berterusan CBP dalam mencari pendekatan kreatif dan berimpak tinggi untuk mengembangkan jaringan perkhidmatan serta menjadikan produk CBP lebih dekat di hati pelanggan.
7. “Kerjasama ini bukan saja memberi kelebihan kepada ahli Mystar, malah membantu memacu pertumbuhan keahlian baharu dan meningkatkan kesedaran mengenai manfaat perbankan koperasi di Malaysia,” katanya.

-TERIMA KASIH-

Mengenai Co-opbank Pertama

Co-opbank Pertama (CBP) ditubuhkan pada 7 Jun 1950. Pada September 2014, CBP diiktiraf oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Bank Negara Malaysia (BNM) sebagai sebuah co-opbank. CBP terus berkembang dengan kini mempunyai sebanyak 35 cawangan di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. CBP menawarkan pelbagai produk perbankan patuh Syariah termasuk perkhidmatan Ar-Rahnu. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.cbp.com.my.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi :

Jabatan Komunikasi Korporat, Co-opbank Pertama

ukk@cbp.com.my